

10/10/1998

Dunia tetap iktiraf Malaysia: Abdullah (HL)

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Jumaat - Usaha untuk memburukkan imej Malaysia di luar negara ternyata tidak berkesan berdasarkan kejayaan negara meraih undi terbanyak dalam pemilihan anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi tempoh 1999/2000.

Dalam pemilihan yang diumumkan semalam, Malaysia mendapat 174 undi daripada 176 negara anggota. Selain Malaysia, Argentina juga terpilih dengan 171 undi, Namibia (167), Kanada (131) dan Belanda 122. Malaysia adalah calon tunggal kumpulan Asia.

Sebelum ini, Malaysia sudah dua kali menjadi anggota tidak tetap majlis berkenaan, iaitu pada 1965/66 dan 1989/90.

Mengulas kejayaan itu, Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata pemilihan itu membuktikan pengiktirafan dunia terhadap peranan negara dalam menangani isu antarabangsa secara bebas dan berprinsip.

"Pemilihan itu menunjukkan kita mempunyai sokongan kuat daripada anggota PBB dan membuktikan masyarakat antarabangsa masih yakin terhadap peranan kita dalam pelbagai institusi antarabangsa, forum PBB dan forum yang berhubung kait dengan badan ini," katanya dalam sidang akhbar di Wisma Putra, hari ini.

Abdullah berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beliau akan menulis surat bagi menyatakan terima kasih dan penghargaan kepada semua negara anggota PBB berikutan sokongan itu.

Mengenai kemampuan Malaysia memainkan peranan berkesan terutama apabila anggota tetap majlis itu menggunakan kuasa veto, Abdullah berkata, Malaysia akan berusaha memastikan perbincangan dalam majlis itu dapat dilaksanakan dengan cara berprinsip, jelas dan meyakinkan.

"Jika ini dapat dilakukan, saya percaya negara yang mempunyai kuasa veto itu mungkin tidak akan menggunakannya," katanya yang meyakini Malaysia akan mendapat kerjasama negara anggota lain.

Abdullah menjelaskan, antara keutamaan Malaysia ialah untuk membantu menyelesaikan masalah keselamatan di Timur Tengah, Palestin dan Kosovo.

Mengenai amaran Pertubuhan Perjanjian Amerika Utara (Nato) untuk menyerang Serbia kerana melaksanakan penyembelihan etnik Kosovo, Abdullah berkata, Malaysia berpendirian sebarang tindakan yang hendak diambil ke atas mana-mana negara mesti mendapat sokongan PBB.

Mengulas tindakan bekas Ketua Pemuda Pulau Pinang, Dr Abdul Rahim Ghouse serta empat individu lain yang dikatakan menjalankan kegiatan memburukkan kerajaan di Manila, beliau berkata:

"Ini adalah satu perkara yang tidak patut berlaku. Apa juga masalah dalam negara, khususnya masalah politik, ia mesti diselesaikan oleh rakyat Malaysia sendiri," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan negara luar supaya tidak campur tangan dalam urusan negara ini dengan memberi sokongan terhadap kumpulan penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini giat mengadakan aktiviti memburukkan kerajaan.

Abdullah berkata Malaysia sudah memberitahu negara berkenaan supaya tidak mengganggu hal dalaman negara ini.

"Kalau mereka bersimpati dengan masalah yang kita hadapi sekarang...kita faham. Tetapi jangan sampai kepada peringkat untuk memberi galakan dan sokongan terhadap tindakan yang di luar perlembagaan itu," katanya.

Selain Dr Abdul Rahim di Manila, media juga menerima faksimili daripada bekas Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno, Saifuddin Nasution, dari

Bangkok dan bekas Setiausaha Politik Anwar, Mohamad Ezam Mohd Nor, dari Jakarta, yang mengkritik kerajaan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah yang juga Naib Presiden Umno menganggap perbuatan penyokong Anwar memburukkan kerajaan di luar negara adalah satu tindakan bodoh, bacul dan tidak sihat serta tidak bertanggungjawab.

Katanya, rakyat Malaysia bebas untuk mengundi dalam pilihan raya umum jika mahu menukar kerajaan.

Mengenai Presiden Habibie dari Indonesia yang belum memastikan sama ada ingin menghadiri Sidang Kemuncak Asia Pasifik (Apec) di sini bulan depan, Abdullah berkata, Malaysia berharap beliau dapat menghadirinya.

"Tetapi akhirnya beliau sendiri akan membuat keputusan dan tentunya keputusan itu mengambil kira kepentingan kerjasama Apec dan negara Asean yang menyertai kerjasama berkenaan," katanya.

Beliau turut menganggap hubungan Malaysia-Indonesia berada pada tahap baik.

"Malaysia sebenarnya ingin memelihara hubungan baik dengan Indonesia kerana sebagai jiran tetangga apa yang berlaku di Indonesia mempunyai kesan kepada kita," katanya.

(END)